

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1378



9 772232 157005

Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak

Oleh: Nur Izaty Bt Hj Talip



Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu mengucapkan tahniah kepada Profesor Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Sarawak semasa penyampaian Pingat Terpuji Jubli Emas (P.T.E)

Profesor Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Sarawak telah menerima Pingat Terpuji Jubli Emas (P.T.E) bersempena penganugerahan pingat peringatan perayaan Jubli Emas Kemerdekaan Sarawak. Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu menyampaikan pingat berkenaan pada majlis yang berlangsung pada 28 Ogos 2014 di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri Sarawak dengan dihadiri seramai 300 penerima Pingat Terpuji Jubli Emas (P.T.E).

Pada 3 September 2014 pula telah berlangsung Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak. Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak telah berkenan menyempurnakan penyampaian darjah-darjah dan pingat-pingat kebesaran negeri Sarawak pada istiadat yang berlangsung di Dewan Besar Astana Negeri Sarawak, Petra Jaya Kuching.

Ketua Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa UiTM Sarawak iaitu Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah merupakan salah seorang staf UiTM Sarawak yang telah menerima Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) (PBB) dalam istiadat tersebut. Pingat ini merupakan salah satu pingat yang diberikan kepada penjawat awam yang berjasa untuk negeri atau persekutuan kerajaan dalam perkhidmatan awam.



Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud memberi Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) (PBB) kepada Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah

UiTM Samarahan Staff Received Awards from TYT

By Ch'ng Looi Chin

The UiTM Samarahan's Deputy Rector for Student Affairs, Associate Professor Wan Akil Tuanku Adbullah, Mr. Kamiyo Hassan Tani and Mr. Abdul Kalid Karim were among 149 recipients, who received awards from the Head of State, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud at the investiture ceremony held on 27th November 2014 at the banquet hall of Astana Negeri in Petra Jaya.

Associate Professor Wan Akil Tuanku Adbullah was awarded the *Johan Bintang Kenyalang* (JBK) award also known as the *Companion of the Order of the Star of Hornbill Sarawak*. Meanwhile, Mr. Kamiyo Hassan Tani was awarded the *Bintang Bentara Sarawak* (BBS) known as the *Herald of the Order of the Star of Sarawak*. Both awards fall within the category of the *Most Exalted Order of The Star of Sarawak* award and can only be awarded to limited recipients at a time. Also, at the ceremony, Mr. Abdul Khalid Bin Karim was awarded the *Pingat Perkhidmatan Terpuji* (PPT). It is an award under the *Commendable Service Medal-Bronze* in the category of *Civil Administration Medal*.

Among those present at the ceremony were Tun Pehin Sri Abdul Taib's wife, Toh Puan Ragad Kurdi Taib, the Deputy Chief Minister, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang and the Assistant Minister in the Chief Minister's Office, Datuk John Sikie Tayai (Native Adat and Penan Affairs).





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my